

## **ANTARA PATI DAN TKI: ANALISIS VISUAL UTUSAN MALAYSIA DAN BERITA HARIAN**

Mus Chairil Samani, Badrul Redzuan Abu Hassan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi,Selangor  
mcsamani@yahoo.com

### **Abstrak**

Jika gambar mengungkapkan seribu pengertian, apakah lagi dengan gambar foto. Gambar foto tersirat dengan makna kebenaran yang dirakamkan apabila disiarkan di dalam media massa mampu mencetuskan kebangkitan kesedaran di kalangan pembaca. Gambar foto juga menyiratkan representasi subjek yang dirakamkan. Dalam konteks ini, gambar foto pendatang tanpa izin (PATI) Indonesia di akhir tempoh pemutihan dianalisis. Sebanyak 14 keping gambar foto yang dianalisis telah disiarkan sepanjang bulan Disember 2004, iaitu 10 keping dari *Utusan Malaysia* dan 4 keping dari *Berita Harian*. Kedua-dua akhbar ini dipilih sebab majoriti pembacanya terdiri daripada orang Melayu Islam, yang serumpun dengan PATI Indonesia. Walaupun fenomena PATI merangkumi rakyat dari negara lain juga tetapi dalam kertas kerja ini penumpuan hanya kepada rakyat Indonesia yang bukan sahaja dekat dari segi geografi mahupun budaya. Analisis semiotik yang berakarumbi kepada tradisi Kress dan Van Leeuwen digunakan dalam “membaca” gambar foto menunjukkan PATI digambarkan sebagai “pelarian” yang diburu oleh pihak berkuasa. Walaupun PATI dianggap sebagai tenaga kerja yang berpotensi tetapi status mereka jauh kebelakang berbanding dengan penduduk tempatan. Namun di sebalik “kemuraman” suasana diusir keluar, rakyat Indonesia kelihatan gembira dapat pulang ke kampung halaman.

**Kata Kunci :** Pati, TKI, Analisis visual, Utusan Malaysia

### **Pendahuluan**

Gambar foto mengandung pelbagai cerita: subjek yang terkandung dalam bingkai gambar, bagaimana jurugambar mengambil gambar, dan apa yang berlaku selepas gambar diambil dan diterbitkan. Walaupun begitu, hubungan antara juru gambar yang mengambil gambar dan subjek yang gambarnya begitu rapuh sekali. Mereka hadir dan berada di tempat dan dalam masa yang sama tetapi mereka datang dari dua dunia berbeza tanpa sebarang hubungan. Hubungan ini berlangsung selama pemetik kamera ditekan untuk merakamkan imej.

Walaupun begitu, media cetak telah lama mengakui kuasa yang dimiliki oleh gambar foto dan kewartawanan foto dalam membangkitkan kesedaran sosial di kalangan masyarakat. Malah Helmet and Alison Gernsheim (1986) menulis: “*No other medium can bring life and reality so close as does photography and it is in the fields of reportage and documentation that photography's most important contribution lies in modern times.*”

Gambar foto ini diambil oleh wartawan foto yang memamerkan peribadi berbakat, berani dan amat perihatin dalam melaporkan pernidasan, peperangan, kesukaran dan pembunuhan di seluruh dunia dalam bentuk rakaman imej yang sukar dilupakan. Jurugambar berada di perbatasan untuk meramkan babak dalam media filem atau digital.

Mereka tidak berada di belakang perbatasan. Mereka berdiri di hadapan di celah-celah pertempuran untuk merakamkan imej peperangan dan kehancuran. Dalam melaporkan peperangan, jurugambar tidak boleh menyorok di belakang penghadang untuk menangkap peperangan yang sedang berlaku. Mereka berani melakukan ini sebab mereka memahami kemampuan gambar foto untuk menimbulkan minat dan menyalurkan mesej penuh beremosi kepada pembaca. Kebanyakan jurugambar menggunakan media mereka untuk menonjolkan masalah sosial agar dapat menimbulkan perhatian di kalangan masyarakat agar melakukan sesuatu.

Kekuatan sesuatu gambar foto bergantung sepenuhnya kepada andaian ideologi bahawa imej yang terakam oleh kamera bergantung kepada proses semula jadi dan optikal iaitu imej mewakili apa yang dapat dilihat di dunia luar. Maka, gambar foto yang digunakan oleh akhbar menokok dimensi makna kepada teks. Gambar foto seperti kata Hall (1981) sebenarnya “represent a truncated version of (our) cultural codes (penegasan dalam teks asal).

Semasa membaca gambar foto, kami diingatkan oleh Kress and van Leeuwen (1999: 379) bahawa: *“The articulation and understanding of social meanings in images derives from the visual articulation of social meanings in face-to-face interaction, the spatial positions allocated to different kinds of social actors in interaction.”* Untuk mana-mana imej, Kress dan Van Leeuwen menekankan bahawa terdapat dua jenis peserta, peserta representasi (orang, tempat dan benda yang dipamerkan) dan peserta interaktif (orang yang berinteraksi dengan orang lain menerusi gambar, penerbit dan penonton imej).

Kertas deskriptif tentang isu PATI menjelang berakhirnya tempoh pengampunan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia menggunakan kedudukan politik seperti yang digariskan oleh Kress and Van Leeuwen (1996) bahawa sebagai penyelidik, kami terlibat sebagai peserta yang mengubah lanskap semiotik.

## **Teori dan Kaedah**

Isu pendatang Indonesia ke Malaysia bukan fenomena baru kerana sejarah menunjukkan kedatangan orang Sumatera dan Jawa ke Tanah Melayu telah lama berlaku, sebelum masa kesultanan Melayu Melaka lagi. Namun semua ini berubah apabila Malaya (dan kemudiannya pernubuhan Malaysia) mendapat kemerdekaan dari British. Ia menjadi isu yang menjadi perhatian umum lewat tahun 1980-an apabila Malaysia sebagai sebuah negara bangsa mempertahankan kedaulatan negara.

Pada masa ini, dianggarkan lebih 1.8 juta pekerja asing berada di Malaysia, dengan kebanyakannya mereka datangnya dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina (Pejabat Migrasi Antara bangsa 1998). Hanya 500,000 daripada mereka dikatakan mempunyai dokumen perjalanan yang sah, dan malah beberapa sumber mengatakan bahawa jumlah itu mungkin lebih tinggi lagi,

terutamanya di negeri Sabah (Kajian Penduduk Sementara 1988). Misalnya, Tenaganita, iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang menangani isu-isu pekerja migran, pernah mengatakan bahawa terdapatnya lebih kurang 3 juta pekerja sah dan tidak sah di Malaysia, iaitu lebih kurang 10 peratus daripada jumlah penduduk (Jomo dan Kanapathy 1996).

Kebanjiran PATI Indonesia ke Malaysia seajar dengan kemelut ekonomi di Asia Timur pada tahun 1997 dan 1998 serta pergolakan ekonomi yang berlaku sekali lagi pada tahun 2002. Dari satu perspektif, migrasi dapat membawa manfaat kepada semua pihak yang berkenaan. Kepada pendatang asing, ia dapat menawarkan peluang mencari pendapatan yang tidak ditawarkan di negara asal. Bagi negara penghantar, ia menawarkan peluang bagi mereka yang menganggur, serta punca pendapatan asing; bagi negara penerima pula, ia menawarkan aliran tenaga pekerja murah yang mengekalkan gaji pada tahap yang rendah dan kadar pertumbuhan pada tahap yang tinggi. Dalam konteks inilah, Kerajaan Indonesia melihat rakyatnya yang merantau ke negara lain untuk bekerja sebagai tenaga kerja Indonesia (TKI).

Namun, isu migrasi tanpa saluran sah mempunyai sudut negatifnya, terutamanya dalam konteks pekerja-pekerja asing yang tidak mahir. Mereka ini kerap kali menjadi mangsa pencabulan hak asasi manusia, penyeksaan, pemerjaraan tidak adil, diskriminasi dan sekatan-sekatan yang lain. Pencabulan-pencabulan seperti ini juga dihadapi oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis-aktivis yang mempertahankan hak-hak pekerja asing.

Walaupun pekerja migran dipertahankan oleh undang-undang antarabangsa, iaitu Deklarasi Hak Asasi Manusia Antarabangsa serta undang-undang ILO, fakta bahawa kerajaan-kerajaan adalah bertanggungjawab bagi pengamalan undang-undang ini bermakna bahawa mereka seringkali gagal menyiasat dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh tangan swasta, sehingga mereka menjadi sebahagian daripada masalah ini. Malah, campur tangan pegawai-pegawai kerajaan seringkali adalah lebih mendalam lagi, dan ini sangatlah jelas jika kita mengkaji pekerja migran dari Indonesia yang berpusat di Malaysia.

Yang jelas ialah migrasi tanpa saluran sah ini bukan sahaja melibatkan warga Indonesia

tetapi memandangkan jumlahnya yang besar dan kedudukannya bersebelahan dengan Malaysia, maka penumpuan lebih diberikan kepada masalah PATI dari Indonesia.

Semiotik sebagai satu konsep telah dibentuk oleh Saussure (1974: 16) apabila beliau berkata “a science that studies the life of signs within society.” Sejak itu, ramai tokoh mula berminat meneliti kepentingan simbol dalam masyarakat. Salah seorang daripadanya ialah Barthes. Barthes (1977) beranggapan bahawa simbol dalam bentuk imej gambar foto bersifat ‘polysemous’ (pelbagai makna). Untuk memahami sesuatu mesej, Barthes berhujah bahawa bahasa diperlukan untuk mencari makna dalam sesuatu gambar foto. Pendekatan seperti ini bererti imej visual menjadi subordinat kepada mesej lisan.

Kress dan Van Leeuwen (1990) menolak tanggapan bahawa imej visual sebagai “miskin” apabila dibandingkan dengan bahasa lisan yang dianggap sebagai “kod utama” (mastercode). Kertas ini menerima bahawa elemen visual boleh difahami maksudnya tanpa melalui perantaraan bahasa. Ini disebabkan elemen visual boleh dianggap mempunyai struktur bahasa yang tersendiri (*libat* Graddol 1994, Moriarty 1994, and Turner 1994) dan ini membolehkan khalayak memperseksikan maknanya. Dengan kemajuan teknologi, penstrukturkan makna dalam imej gambar foto lebih mudah apabila bidang fotografi beralih dari analog kepada digital.

Tanggapan bahawa bahasa lisan sebagai “kod utama” mungkin berpunca daripada sifat bahasa visual yang dipelajari secara tidak formal dan lebih melalui proses sosialisasi. Pemahaman bahasa visual memerlukan pembaca terlibat membuat konstruksi sosial sesuatu aspek daripada realiti. Kress dan Van Leeuwen (2001) said: *“By ‘socially constructed’ we mean that they have been developed in specific social contexts, and in ways which are appropriate to the interests of social actors in these contexts, whether they are very broad contexts or not, explicitly institutionalised contexts or not and so.”*

Dalam konteks ini, analisis semiotik diajarkan terhadap gambar foto sebagai suatu bentuk teks. Analisis imej ini didasari oleh kerangka ilmu yang dipelopori oleh Kress and Van Leeuwen (1996, 1999). Rangka rujukan ini pula berpandukan kepada metafungsi yang diperkenalkan oleh Halliday (1973, 1978). Kress and Van Leeuwen mencadangkan satu model bagi “pembacaan imej” berpandukan kepada tiga

dimensi pembentukan makna: metafungsi ideasional, metafungsi antaraperibadi dan metafungsi tekstual.

“Metafungsi ideasional” menumpukan representasi idea dan pengalaman; “metafungsi antaraperibadi” menggarapkan kewujudan hubungan sosial dan “metafungsi tekstual” pula meneroka organisasi struktur dan kedudukan idea dalam sesuatu teks.

Namun begitu, kertas kerja ini hanya menumpukan perhatian kepada metafungsi ideasional dan bukan dua metafungsi lagi. Penelitian ini berpandukan kepada Kress dan Van Leeuwen yang telah menginterpretasikan semula imej visual sebagai sesuatu yang boleh “dibaca.”


Kekuatan analisis sebegini ialah kemampuannya untuk menawarkan perspektif terhadap konstruksi ideologi. Melalui penelitian ideologi seperti kata Thompson (1984), ia adalah *“to study the ways in which meaning (or signification) serves to sustain relations of domination.”*

## Hasil dan Pembahasan Analisis

Terdapat 14 keping gambar foto yang dikutip untuk dianalisis, 10 keping dari *Utusan Malaysia* dan 4 keping dari *Berita Harian*. Mengapa bilangan gambar foto yang disiarkan begitu sedikit? Mungkinkah realiti yang hendak digambarkan tidak sama dengan realiti sebenar. Realiti yang hendak digambarkan bahawa PATI terdiri daripada orang liar dan menimbulkan masalah sosial sukar hendak dicari. Peratusan mereka yang terlibat dalam masalah sosial mungkin “rendah” berbanding dengan ribuan PATI lain.

Pada gambar 1 dan 2 dirakamkan dengan jelas menunjukkan wajah-wajah mereka yang terlibat. Gambar foto yang jelas dan tidak kabur menegaskan alam sebenar daripada alam fantasi. Yang berlaku berbanding dengan yang angangan.

Dengan masa tinggal 16 hari sebelum berakhirnya tempoh pemutihan, Berita Harian menyiaran gambar rakyat Indonesia duduk berhimpit-himpit dalam pesawat udara milik Tentera Nasional Indonesia. Lihat gambar 3.



KIRA-KIRA 500 pekerja kilang dari Indonesia menyaksikan konsert 17 kumpulan muzik sempena ulang tahun ketiga Perayaan Halal Bihalal Bocache Dewe di Taman Juara Jaya, Balakong, semalam. – Gambar oleh Nik Hariff Hassan

Gambar 1

*Berita Harian*, 13 Disember: Warga Indonesia berhibur mengikut budaya “heavy metal” di mana lelaki dan perempuan bebas bergaul?



PENDATANG Indonesia yang menyertai program pengampunan duduk di dalam pesawat Hercules milik Tentera Nasional Indonesia (TNI) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, semalam. – Gambar Reuters

Gambar 3

*Berita Harian*, 15 Disember: Rakyat Indonesia berhimpit-himpit duduk dalam pesawat udara Tentera Nasional Indonesia di celah-celah kotak barang peribadi dalam perjalanan pulang.


Wajah ceria dan bukan wajah muram menggambarkan mereka bukan “orang buruan”.



BERIBU-RIBU warga Indonesia membanjiri kawasan tempat letak kenderaan di Perumahan Jaya Suria tempat berlangsungnya konsert ‘dangdut’ di Kajang dekat Kuala Lumpur, semalam.

Gambar 2

*Utusan Malaysia*, 15 Disember: Rakyat Indonesia berdangdut atau menonton konsert “heavy metal” dalam suasana terkawal



PENDATANG asing tanpa izin (PATI) Indonesia menaiki pesawat selepas dibenarkan berlepas ke Jakarta, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, semalam.

Gambar 4

*Utusan Malaysia*, 16 Disember: Orang buruan “tanpa wajah” menuju ke pesawat Tentera Nasional Indonesia mengendong barang peribadi

Berita Harian dan Utusan Malaysia memilih perspektif berbeza dalam menggambarkan PATI Indonesia. Gambar 3 menunjukkan rakyat Indonesia tenang dalam “perut” pesawat sedangkan gambar 4 menunjukkan mereka mlarikan diri daripada pemburu. Orang yang diburu diselamatkan oleh pesawat milik tentera Indonesia.

Adakah tindakan kerajaan Malaysia untuk mengusir keluar PATI Indonesia berjaya? Begitulah realiti yang hendak digambarkan dalam gambar 5, yang disiarkan sebagai ruangan “Imbasan 2004” Utusan Malaysia.



Gambar 5

Utusan Malaysia, 31 Disember: Ribuan PATI Indonesia “diselamatkan” oleh kapal perang milik Tentera Nasional Indonesia untuk dibawa pulang. Mereka pulang dengan “harta” yang terkumpul sepanjang tempoh berada di Malaysia. Walaupun suasana agak sibuk, tetapi urusan penghantaran pulang begitu aman.

Penstrukturran visual jelas kelihatan dalam semua gambar foto yang dianalisiskan. Seperti kata Kress and Van Leeuwen (1996: 45) bahawa: “*Pictorial structures do not simply reproduce the structures of ‘reality’. On the contrary, they produce images of reality which are bound up with the interests of the social institutions within which the pictures are produced, circulated and read. They are ideological. Pictorial structures are never merely formal; they have a deeply important semantic dimension.*”



Gambar 6

Berita Harian, 10 Disember: Karikatur yang memaparkan PATI Indonesia sebagai orang buruan. Persoalannya jika mereka pulang sebelum tarikh 31 Disember 2004, mereka bukan orang buruan, tetapi “tetamu negara”

Kepentingan analisis tentang gambar foto yang disiarkan dalam melaporkan isu sosial seperti PATI Indonesia ini adalah kemampuannya untuk menunjukkan perbezaan kuasa di antara pemerintah dengan golongan yang diprintah. Penggunaan kuasa undang-undang untuk menekan gejala PATI memerlukan kuasa yang dimiliki oleh pemerintah. Seperti kata Althusser (terjemahan Elliot 1994) bahawa hegemoni kelas utama boleh dikenalkan menerusi alatan represif negara ataupun alatan ideologi negara.

### Kesimpulan

Kedua-dua akhbar ini sengaja dipilih untuk dianalisis gambar fotonya kerana majoriti pembacanya terdiri daripada orang Melayu Islam. Gambar-gambar foto ini merupakan representasi rakyat Indonesia yang pulang ke kampung halaman mereka dan mengambil kesempatan daripada tempoh pemutihan atau pengampunan yang diisytiharkan oleh kerajaan Malaysia. Tempoh pemutihan ini berakhir pada 31 Disember.

Tidak banyak gambar foto yang disiarkan tentang PATI Indonesia mungkin disebabkan tiada kesempatan untuk merakamkan gambar mereka dalam realiti yang mempunyai nilai berita.

Amat jelas bahawa gambar foto yang dipilih untuk disiarkan memberikan gambaran seolah-olah rakyat Indonesia ini tergesa-gesa untuk pulang. Mereka digambarkan mengendong kotak-kotak berisi barang persendirian. Dalam konteks lain, gambar ini tidak ubah seperti orang awam yang melarikan diri daripada medan perperangan. Mereka pulang bukan dengan tangan kosong.

Gambar-gambar "long shot" dengan diambil dari perspektif atas dengan subjek di bahagian bawah menunjukkan bahawa PATI Indonesia terdiri daripada mereka yang lemah. Kerana seperti kata Kress dan Van Leeuwen (1996), mereka yang berada di tempat atas berkuasa di atas golongan yang lemah. Gambaran

PATI Indonesia sebagai orang buruan terpapar dalam kartun *Berita Harian* yang disiarkan pada 10 Disember 2004. Lihat gambar 6.

Kepentingan analisis tentang gambar foto yang disiarkan dalam melaporkan isu sosial seperti PATI Indonesia ini adalah kemampuannya untuk menunjukkan perbezaan kuasa di antara pemerintah dengan golongan yang diperintah. Penggunaan kuasa undang-undang untuk mengekang gejala PATI memerihalkan kuasa yang dimiliki oleh pemerintah. Seperti kata Althusser (terjemahan Elliot 1994) bahawa hegemoni kelas utama boleh dikenalkan menerusi alatan represif negara ataupun alatan ideologi negara.

#### **Senarai Gambar Foto Tentang Isu Pendatang Tanpa Izin Dalam *Utusan Malaysia***

No	Tarikh	MS	Shot	Lebar	Kapsyen lajur	Tajuk Berita	Kedudukan	Kategori	Sumber
1	Dis 13	15	LS	3	Beribu-ribu warga Indonesia membanjiri kawasan tempat letak kenderaan di Perumahan Jaya Suria tempat berlangsungnya konsert 'dangdut' di Kajang, dekat Kuala Lumpur semalam.	Rakyat Indonesia berdangdut di Kajang	Berita utama halaman	Berita	Utusan
2	Dis 15	2	MCU	3	Najib Tun Razak bersalaman dengan Susilo Bambang Yudhoyono ketika melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Indonesia di Jakarta, semalam	Tempoh pengampunan PATI dilanjutkan 31 Dis	Berita kedua	Berita	Reuters
3		15	LS	2	Nasaruddin Daud (belakang) dan Azhar Nordin (depan) dikawal oleh empat anggota polis selepas dihukum gantung ketika keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.	Dadah: Dua warga Indonesia dihukum mati	Berita utama halaman	Berita	Utusan
4		16	LS	3	Pendatang tanpa izin (PATI) Indonesia menaiki pesawat selepas dibenarkan berlepas ke Jakarta di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, semalam	Kapal, pesawat bawa pulang PATI ditambah	Berita utama halaman	Berita	Utusan
5	Dis 18	9	LS	4	Ribuan pendatang asing tanpa izin Indonesia bersesak-sesak mendapatkan tiket untuk pulang ke tanah air di kedutaan Negara itu, di Kuala Lumpur semalam	Kedutaan Indonesia terus diserbu	Berita utama halaman	Berita	Utusan

6	Dis 26	12	LS	3	Sebahagian daripada pendatang tanpa izin warga Indonesia menunggu giliran menaiki feri di Jeti Stulang Laut, Johor Bahru, Johor untuk pulang ke negara asal mereka menjelang program pengampunan	PATI pulang, jeti di Johor sesak	Berita utama halaman	Berita	Utusan
7		12	LS	3	Pendatang asing tanpa izin warga Indonesia memikul barang-barang mereka sebelum menaiki feri di Jeti Stulang Laut, Johor Bahru, Johor untuk pulang ke negara asal mereka menjelang program pengampunan dari 27 hingga 30 Disember ini	PATI pulang, jeti di Johor sesak	Berita utama halaman	Berita	Utusan
8	Dis 28	1	LS	3	Sebahagian PATI warga Indonesia bersesak-sesak di kawasan jeti Stulang Laut, Johor Bahru semalam dan ada yang sempat melelapkan mata sementara menunggu giliran menaiki feri	Pulang	Cerita bergambar utama	Berita bergambar	Utusan
9		12	LS	3	Pendatang tanpa izin Indonesia menangkut barang mereka menggunakan lori ke Dewan Serbaguna di Pelabuhan Klang, sebelum berangkat pulang ke negara asal mereka menggunakan kapal yang disediakan oleh kerajaan negara itu	Hantar pulang pendatang terjejas	Berita utama halaman	Berita	Utusan
10	Dis 31	6	LS	5	Ribuan pendatang tanpa izin Indonesia yang mengambil peluang dari program pengampunan diantar pulang menggunakan kapal laut termasuk kapal milik Tentera Nasional Indonesia (TNI)	Disember	Cerita bergambar	Berita bergambar	Utusan

**Senarai Gambar Foto Tentang Isu Pendatang Tanpa Izin Dalam Berita Harian**

No	Tarikh	MS	Shot	Lebar Kapsyen lajur	Tajuk Berita	Kedudukan	Kategori	Sumber
1	Dis 13	6	LS	2	Kira-kira 500 pekerja kilang dari Indonesia menyaksikan konsert 17 kumpulan muzik sempena ulang tahun ketiga Perayaan Halal Bihalal Bocahe Dew di Taman Juara Jaya, Balakang semalam	500 pekerja Indonesia serta konsert ganas	Berita utama halaman	Berita Harian
2	Dis 15	B7	LS	3	Pendatang Indonesia yang menyertai program pengampunan duduk di dalam pesawat Hercules milik Tentera Nasional Indonesia (TNI) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang semalam	Pendatang Indonesia manfaatkan pengampunan	Berita utama halaman	Berita Reuters
3	Dis 28	S1 (dlm)	LS	4	Perkampungan settingan warga asing berdekatan tangki minyak di Klang	Rumah settingan belakang kilang	Berita utama halaman	Berita Harian
4		S1 (dlm)	LS	3	Kedudukan rumah yang terlalu dekat membolehkan api merebak dengan cepat jika berlaku kebakaran	Rumah settingan belakang kilang	Berita utama halaman	Berita Harian

**Daftar Pustaka**

- Barthes, R, "Image-Music-Text", Fontana, London, 1977.
- Bell, A, "News Stories as Narratives." In Adam Jaworski and Nikolas Coupland. (ed.) *The Discourse Reader*, Routledge, London, 1999.
- Burton, G, "Media and Society: Critical Perspectives.", Berkshire, Open University Press, Los Angeles, 2005.
- Chilton, P, "Analysing Political Discourse: Theory and Practise", Routledge, London, 2004.
- Cicourel, A.V, "Interpretive Procedures." In Adam Jaworski and Nikolas Coupland. (ed.) *The Discourse Reader*, Routledge, London, 2005.
- Elliot, G, "Althusser: A Critical Reader", Oxford: Blackwell, USA, 1994.
- Fairclough, N, "Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language", Longman, London, 1995.
- Gernsheim, H. and Gernsheim, A, "A Concise History of Photography", 3<sup>rd</sup> edition, Thames and Hudson, London, 1986.
- Graddol, D, "The Visual Accomplishment of Factuality", Dalam David Graddol and Oliver Boyd-Barrett (eds.) *Media Text: Authors and Readers*. Bristol, Pennsylvania: Multilingual Matters Ltd, New York, 1994.
- Hall, S, "The determination of news photographs." Dalam Stanley Cohen and Jock Young. (eds.) *The Manufacture of News, Deviance, Social Problems and the Mass Media*. Revised

Edition, Sage Publications, Beverly Hills, 1981.

Halliday, M.A.K, “*Explorations in the Functions of Language*”, Edward Arnold, London, 1973.

\_\_\_\_\_, “*Language as Social Semiotics: The Social Interpretation of Language and Meaning*”, Edward Arnold, London, 1978.

Hodge, R and Kress, G, “*Social Semiotics*”, Polity Press, London, 1988.

Jomo, K.S. dan V. Kanapathy, “*Economic Liberalization and Labour in Malaysia: Efficiency and Equity Considerations in Public Policy Reform.*” Kertas yang dihantar kepada ILO, Bangkok, 1996.

*Kajian Penduduk Sementara*, Kota Kinabalu: Jabatan Ketua Menteri, 1988.

Kress, G. dan Van Leeuwen, T, “*Reading Images.*”, Deakin University Press, Melbourne, 1990.

\_\_\_\_\_, “*Reading Images: The Grammar of Visual Design*”, Routledge, London, 1990.

\_\_\_\_\_, “Representation and Interaction: Designing the Position of the Viewer.” In Adam Jaworski and Nikolas

Coupland. (ed.) *The Discourse Reader*. Routledge, London, 1999.

Kress, G. dan Van Leeuwen, T, “*Multimodal Discourse: The Modes and Media of Contemporary Communication*”, Arnold, London, 2001.

Moriarty, S, “*Abduction and a Theory of Visual Interpretation.*” *Communication Theory*. 6(2): 167-187, 1996.

Pejabat Migrasi Antarabangsa, “IOM Menakuti Peningkatan Mendadak Dalam Migran Tanpa Izin di Asia Tenggara Yang Dilanda Krisis.” 8hb Jun 1988.

Saussure, F. de, “*Course in General Linguistics*”, J. Culler (ed.), trans. W. Baskin, Fontana, London, 1974.

Thompson, J.B, “*Studies in the Theory of Ideology*”, Polity Press, Cambridge, 1984.

Tuchman, G, “*Mass Media Institution*” In Neil J. Smelser (ed.) *Handbook of Sociology*. Newbury Park: Sage Publications, Newbury Park, 1988.

Turner, G, “*Film Languages*” Dalam David Graddol and Oliver Boyd-Barrett (eds.) *Media Text: Authors and Readers*. Bristol, Multilingual Matters Ltd, Pennsylvania, 1994.